



Women's Centre for Change
241 Jalan Burma, 10350 Pulau Pinang
T: 04-228 0342/011-3108 4001
E: wcc@wccpenang.org

Pusat Perkhidmatan Wanita (PPW)
13 Lorong Sutera 6, Taman Sutera,
13700 Seberang Jaya, Pulau Pinang.
T: 04-398 8340/016-439 0698
E: ppw@wccpenang.org

Penaja

Brot
für die Welt
Brot für die Welt –
Evangelischer
Entwicklungsdienst

*Mari Kita
Berbincang*



Menjadi mangsa

cabul,
rogol atau
keganasan rumahtangga

merupakan satu

pengalaman yang traumatik.

Anda mungkin bimbang
bagaimana hendak menghadapi
ahli keluarga atau rakan-rakan,
sama ada
mereka akan mempercayai anda.

Mungkin anda rasa
tiada siapa yang faham
apa yang anda sedang lalui.

Dengan segala yang berlaku di sekeliling anda,
anda mungkin rasa
sukar untuk menghadapi
keadaan ini atau
anda fikir tindakan yang terbaik
adalah untuk berdiam diri.

Anda perlu tahu bahawa
apa yang anda alami

bukanlah salah anda.

Ia tiada kaitan dengan apa yang
anda kata,
apa yang anda buat atau
apa yang anda tidak buat.

Lebih dari itu,
anda perlu tahu bahawa
anda tidak keseorangan
dan
tidak perlu berdiam diri
mengenai pengalaman anda.

Women's Centre for Change (WCC)
dan **Pusat Perkhidmatan Wanita (PPW)**

mempunyai

Jaringan Sokongan di Pulau Pinang

bagi mangsa keganasan seksual

dan

keganasan rumahtangga.

**Kami di sini sedia
untuk mendengar,**

menjawab sebarang soalan anda

dan **menyokong anda**

sepanjang masa

yang amat sukar ini.

Jika anda ingin bercakap dengan seseorang
tentang apa yang telah anda alami,
sila hubungi

WCC 04-2280342 (Pulau Pinang)

PPW 04-3988340 (Seberang Perai)

Kami sedia membantu anda.

Perkhidmatan kami adalah **percuma dan**
sebarang maklumat adalah rahsia.

*Ingatlah
anda tidak
keseorangan.*